

Bahasa
Melayu
Kertas 1
September
2008
2 ¼ jam



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008**

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

Dua jam lima belas minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian, iaitu **Bahagian A dan Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **kedua-dua** bahagian.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*


Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat carta di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **langkah-langkah yang boleh diambil untuk mencegah keracunan makanan**. Panjang huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

- 1** Kampung anda berpotensi menjadi sebuah kawasan pelancongan yang menarik dan terkenal. Anda bercadang untuk menulis surat kepada pihak yang berkenaan menyatakan keistimewaan-keistimewaan yang terdapat di kampung anda dan cadangan-cadangan bagi menjadikan kampung tersebut sebagai destinasi pelancongan yang terkenal.

Tulis surat itu selengkapnya.
- 2** Usaha untuk mengumpulkan ahli keluarga yang ramai dari satu generasi ke satu generasi terutamanya pada hari-hari perayaan merupakan suatu usaha yang murni.

Jelaskan kebaikan-kebaikan yang diperoleh daripada usaha tersebut.
- 3** Siswazah pada hari ini kurang berminat menceburkan diri dalam bidang pertanian. Oleh itu, pelbagai pihak perlu mengambil inisiatif untuk menarik minat para siswazah menceburkan diri dalam bidang tersebut.

Huraikan peranan pihak-pihak berkenaan.
- 4** Isu pemanasan global semakin membimbangkan masyarakat dunia pada hari ini. Bersempena dengan Hari Bumi, anda terpenggil untuk menulis sebuah rencana berkaitan punca-punca dan kesan-kesan pemanasan global.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.
- 5** Puisi tradisional seperti pantun, gurindam dan syair masih popular hingga hari ini dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Bincangkan sumbangan puisi tradisional kepada masyarakat.

KERTAS SOALAN TAMAT

Bahasa
Melayu
Kertas 2
Sept 2008
2½ jam



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2008

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah meningkatkan taraf hidup orang kurang upaya dan kekangan yang dihadapi dalam melaksanakannya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sejak negara kita merdeka, semua pihak termasuk golongan istimewa atau yang sering dikategorikan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) turut terlibat memberi sumbangan dalam pembangunan negara. OKU merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat yang mempunyai perasaan, kebolehan, keterampilan, bakat dan kepintaran dalam pelbagai bidang seperti manusia normal yang lain. Kehadiran golongan OKU dalam masyarakat sewajarnya dihargai dan diberi keutamaan.

Kerajaan akan menubuhkan pusat pemulihan dalam komuniti bagi OKU dalam RMK-9 dengan lebih banyak. Pusat pemulihan itu akan dibangunkan sebagai pusat khidmat setempat bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih komprehensif bagi OKU. Antara perkhidmatan yang disediakan oleh pusat pemulihan tersebut ialah pemeriksaan dan pengesanan ketidakupayaan, khidmat rujukan, penyebaran maklumat mengenai OKU, serta perkhidmatan sokongan. Akta OKU pula digubal untuk meningkatkan dan melindungi hak OKU supaya mereka hidup bermaruah dan mempunyai harga diri. Akta ini memberi hak kepada mereka untuk diterima oleh masyarakat, *meningkatkan akses* kepada pendidikan dan latihan vokasional, pekerjaan, persekitaran bebas daripada halangan serta akses kepada teknologi maklumat (ICT). Selain itu, program mengintegrasikan OKU dalam masyarakat bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan yang normal terus dipergiat. Badan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pula bergerak aktif untuk membela golongan yang kurang upaya ini.

Dalam sektor awam, di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10/1988, satu peratus peluang pekerjaan diperuntukkan kepada OKU. Sehingga kini, pelbagai jenis pekerjaan telah dijawat oleh golongan istimewa ini; daripada peringkat kumpulan sokongan sehinggalah peringkat profesional dan pakar dalam bidang akademik mengikut pengkhususan masing-masing. Golongan OKU juga mempunyai potensi dalam pembangunan negara. Sektor awam dan swasta disarankan agar menyediakan lebih banyak latihan kepada mereka serta membuka peluang agar mereka menceburi bidang keusahawanan. Dengan ini, kemampuan mereka untuk bermandiri akan lebih terserlah kerana tidak bergantung kepada peluang pekerjaan yang disediakan oleh pihak lain. Selama ini pun, golongan OKU menyertai bidang keusahawanan kerana minat dan tiada pekerjaan lain yang dapat dilakukan. Mereka juga memiliki kemahiran vokasional yang diperolehi semasa menjalani latihan di pusat-pusat latihan. Golongan OKU ini tidak mengharapkan simpati daripada orang lain, tetapi lebih mengharapkan peluang agar mereka dapat hidup berdikari.

Untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran sejajar dengan keperluan semasa, penekanan terhadap bidang pendidikan dan latihan kemahiran terus diberi keutamaan oleh pihak berkuasa. Oleh itu, peluang diberikan kepada semua pihak tanpa mengira sebarang perbezaan dan selaras dengan dasar kerajaan untuk memberi hak yang sama kepada semua individu.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
“*Sumbangan Orang Kurang Upaya Kepada Negara*”
oleh Hj Samat Buang, *Dewan Siswa*, Ogos 2006)

Soalan 2 : Pemahaman**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *meningkatkan akses*.
[2 markah]
- (ii) Nyatakan sebab-sebab yang mendorong Orang Kurang Upaya menceburi bidang keusahawanan.
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah Orang Kurang Upaya perlu menubuhkan persatuan mereka sendiri?
[4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Kau harapan keluargamu. Tidak inginkah kau membantu keluargamu dan kaummu?”

“Bapa tidak menghalang kehendak saya. Ibu cakap, saya boleh buat apa yang saya suka asalkan tidak menganiaya orang lain.”

“Betul cakap orang tuamu itu. Tetapi sebagai anak, kau wajar membela mereka. Jika ada pelajaran, boleh dapat pekerjaan yang lebih besar. Mungkin dapat jadi pegawai, ahli perniagaan..macam anak penghulu. Adik-adikmu itu dapat disekolahkan. Engkaulah bunga bangsa belantara ini,” suara Jo sambil menatap wajah Daneng yang sugul.

Daneng memperbaiki kailnya sambil melihat ke dalam tin yang berisi dua ekor ikan haruan perang yang besar. Anak matanya yang keperangan memancar dalam genangan air mata.

“Daneng, cikgu meminta maaf jika menyinggung perasaanmu. Cikgu perlu berterus terang. Daneng perlu meneruskan pelajaran sampai SPM, sampai menara gading. Kau bijak, Daneng. Gunakanlah kebijaksanaanmu itu, mungkin membantu kaummu. Setakat ini, cuma ada lebih 50 hingga 60 orang sahaja, mahasiswa kaummu di universiti.”

(Dipetik daripada cerpen *Lambaian Malar Hijau*
oleh Saroja Theavy a/p Balakrishnan
dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Mengapakah Cikgu Jo bersungguh-sungguh memujuk Daneng agar meneruskan pelajarannya?

[3 markah]

(ii) Sebagai seorang guru, nyatakan usaha-usaha yang boleh anda lakukan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat di pedalaman tentang kepentingan pendidikan.

[3 markah]

(iii) Jelaskan **satu** nilai berdasarkan petikan di atas dan **dua** nilai lain daripada keseluruhan cerpen ini.

[3 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bermula diceterakan oleh orang yang empunya ceritera ini. Ada seorang hamba Allah orang Pasai turun dari atas angin ke Pasai tiga bersahabat, Tun Jana Khatib namanya, memahirkannya ilmu khayal lillah bagi tauhid dua belas alam. Oleh Tuan itu pergi dua bersahabat ke Singapura. Maka seorang pergi ke Samarlingga, itulah yang disebut orang Tuan di Samarlingga; yang seorang Tuan di Bungoran. Maka Tun Jana Khatib berjalan di Pekan Singapura, maka lalu hampir istana raja. Pada ketika itu raja perempuan melihat di tingkap, maka terpanchang kepada Tun Jana Khatib. Maka ada sebatang pinang hampir dengan istana itu. Maka ditilik oleh Tun Jana Khatib, belah dua pohon pinang itu. Telah dilihat oleh Paduka Seri Maharaja perihal itu, maka baginda pun terlalu marah. Maka baginda berkata, lihatlah kelakuan Tun Jana Khatib, diketahuinya isteri kita menengok, maka ia menunjukkan pengetahuannya.

Maka disuruh baginda bunuh. Maka Tun Jana Khatib pun dibawa orang kepada tempat pembunuhan, hampir tempat orang *berkedai bikang*, serta ditikam orang, akan Tun Jana Khatib, darahnya menitik ke bumi, badannya ghaib tiada berketahuan. Maka oleh orang membuat bikang itu ditutupnya dengan tutup bikang darah Tun Jana Khatib itu, lalu menjadi batu, datang sekarang pun ada di Singapura.

Ada suatu ceritera, badan Tun Jana Khatib itu terhantar di Langkawi, ditanamkan orang di sana; itulah dipantungkan orang;

Telur itik di Singgora,
Pandan terletak dilangkahi;
Darahnya titik di Singapura,
Badannya terhantar di Langkawi.

(Dipetik daripada *Kezaliman Membawa Padah*
dalam antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan *berkedai bikang*? [1 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** peristiwa sebelum Tun Jana Khatib dibunuh. [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda sebagai Tun Jana Khatib dan diberi peluang untuk merayu, apakah alasan-alasan anda agar tidak dihukum bunuh oleh Paduka Seri Maharaja? [4 markah]

Soalan 2 (d) – Petikan Puisi

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

DI RUANG GEMANYA

Telah kurangkumkan rebah setiaku
pada setiap pilu dan rindu
melayang dan mengembang
ke hayat gemilang. Sejak itu
tidak kukesal lagi
goda dan duga
di gerimis senja.

telah kupahatkan lelah umurku
pada setiap kerikil dan debu
datang dan menghilang
ke hujung kenang. Sesudah itu
tidak kukenal lagi
hampa dan derita
di guruh pagi.

Gerimis senja guruh pagi
adalah titipan maya
bakal kukongsikan hati
mengukir tadbir di ruang gemanya.

Dharmawijaya

Antologi *Kerusi*
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Apakah maksud rangkai kata *telah kupahatkan lelah umurku*? [2 markah]
- (ii) Sebagai seorang warganegara yang bertanggungjawab, nyatakan sumbangan-sumbangan anda kepada negara. [4 markah]
- (iii) Berikan **tiga** persoalan yang terdapat dalam sajak di atas. [3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis **satu** ayat daripada kata-kata di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan serta menggunakannya sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) berbaik-baik
- (ii) berbaring-baring
- (iii) berbayang-bayang
- (iv) berbalas-balas
- (v) berbondong-bondong
- (vi) berbalam-balam

[6 markah]

- (b) Kenal pasti jenis-jenis ayat berikut. Tentukan sama ada ayat tersebut ialah **ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah** atau **ayat seru**.

- (i) Istana di atas bukit itu cantik?
- (ii) Wah, hebatnya nyanyian awak malam ini!
- (iii) Tengoklah barang-barang antik yang baru kami beli.
- (iv) Para pemain bola sepak itu sedang beraksi di padang.
- (v) Sekarang jugakah ayah hendak membaca akhbar semalam?
- (vi) Dana PNB dijangka mencecah RM100 bilion tiga tahun lagi.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Gedung tekstail yang baru dibuka itu mengadakan penjualan murah sepanjang tahun secara besar-besaran.
- (ii) Penulis buku remaja acapkali menjadikan tema bercinta sebagai modal berkarya masa kini.
- (iii) Pengambilan vitamin dan makanan tambahan telah menjadi amalan dalam kehidupan pasca-modern, namun pengambilannya secara berlebihan boleh mendatangkan kemudaratan.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Salina berasa kaku untuk menyesuaikan diri di dalam sebarang majlis sosial yang diadakan di tempat kerjanya.
- (ii) Para penduduk kampung saling bergotong-royong membersihkan kawasan persekitaran masjid sebagai persediaan aktiviti perasmian masjid berkenaan.
- (iii) Pasar raya itu mengenakan potongan harga yang berpatutan kepada setiap para pelanggan yang membeli barang-barang bersempena dengan Karnival Jualan Mega.

[6 markah]

(e) Tulis **satu** ayat bagi setiap peribahasa di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya.

- (i) Langkah kanan
- (ii) Bagai lebah menghimpunkan madu
- (iii) Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel-novel berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
 - (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf
 - (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
 - (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
 - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
 - (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
 - (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Terdapat pelbagai peristiwa yang menimbulkan keinsafan dipaparkan dalam sesebuah novel.

Huraikan **dua peristiwa** yang menimbulkan keinsafan dalam **satu** novel yang telah anda pelajari. Mengapakah anda berpendapat demikian?

[7 markah]

- (b) Watak **antagonis** atau watak jahat turut memainkan peranan penting untuk menghidupkan jalan cerita dalam sesebuah novel.

Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, huraikan **satu** perwatakan watak **antagonis** dalam setiap novel itu.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT